



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KEBERKESANAN MODUL PENGAJARAN EKOSISTEM HUTAN
TROPIKA DALAM MENINGKATKAN PENGETAHUAN DAN SIKAP
PELAJAR**

KARTINI BINTI ABDUL MUTALIB

FPAS 2008 2

**KEBERKESANAN MODUL PENGAJARAN EKOSISTEM HUTAN TROPIKA
DALAM MENINGKATKAN PENGETAHUAN DAN SIKAP PELAJAR**

Oleh

KARTINI BINTI ABDUL MUTALIB

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Februari 2008



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

KEBERKESANAN MODUL PENGAJARAN EKOSISTEM HUTAN TROPIKA DALAM MENINGKATKAN PENGETAHUAN DAN SIKAP PELAJAR

Oleh

KARTINI BINTI ABDUL MUTALIB

Februari 2008

Pengerusi: Profesor Madya Azizi Muda, PhD

Fakulti: Pengajian Alam Sekitar

Pengetahuan dan sikap pelajar terhadap alam sekitar merupakan satu isu yang diberikan penekanan pada masa kini. Berkaitan isu ini, Jabatan Alam Sekitar, dengan kerjasama beberapa pertubuhan bukan kerajaan, universiti tempatan dan syarikat swasta, telah membentuk tujuh modul pengajaran untuk kegunaan aktiviti Pendidikan Alam Sekitar di Kem-Kem Kesedaran Alam Sekitar di Malaysia. Sejak modul-modul ini mula digunakan pada tahun 1994, tiada sebarang penilaian telah dilakukan terhadap keberkesanannya. Tujuan kajian ini adalah untuk menilai keberkesanannya salah satu dari modul tersebut, iaitu, Modul Pengajaran Ekosistem Hutan Jabatan Alam Sekitar, dalam meningkatkan pengetahuan dan sikap pelajar terhadap ekosistem hutan tropika.

Dalam kajian ini, reka bentuk eksperimen dengan pengukuran berulang telah digunakan. Ini melibatkan 240 orang subjek pelajar tingkatan empat daripada empat buah sekolah menengah yang mewakili empat buah negeri dari empat zon di Semenanjung Malaysia.



Pemilihan dilakukan secara persampelan rawak mudah daripada senarai sekolah yang disediakan oleh Jabatan Alam Sekitar. Subjek dipadankan secara rawak kepada dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Kumpulan rawatan dinilai menggunakan ujian pra (sebelum modul digunakan), ujian pos pertama (sehari selepas modul digunakan) dan ujian pos kedua (satu bulan selepas modul digunakan). Kumpulan kawalan hanya dinilai menggunakan ujian pra dan ujian pos pertama sahaja. Setiap set ujian mengandungi 30 soalan pengetahuan pelbagai pilihan dan 30 pernyataan sikap skala lima Likert.

Keputusan kajian mendapati bahawa bagi pelajar kumpulan rawatan terdapat perbezaan skor min yang signifikan bagi pengetahuan ($F(118)=53.298$, $p=0.000$, $\eta^2=0.475$; $\alpha=0.05$) dan sikap ($F(118)=21.818$, $p=0.000$, $\eta^2=0.270$; $\alpha=0.05$) terhadap ekosistem hutan tropika dalam kedua-dua ujian pos pertama dan ujian pos kedua berbanding ujian pra. Bagi kumpulan kawalan tiada perubahan yang signifikan pada skor min pengetahuan ($t(119)=0.421$, $p=0.674$, $\eta^2 =0.001$, $\alpha = 0.05$) atau sikap ($t(119)=0.279$, $p=0.674$, $\eta^2 =0.006$, $\alpha = 0.05$) terhadap ekosistem hutan tropika. Keputusan kajian juga menunjukkan bahawa peningkatan pengetahuan pelajar (47.5%) adalah lebih besar daripada peningkatan sikap pelajar (27.0%). Hasil kajian menunjukkan penggunaan Modul Pengajaran Ekosistem Hutan untuk Pendidikan Alam Sekitar dalam konteks pembelajaran bukan-formal berdasarkan pengalaman secara langsung berupaya meningkatkan pengetahuan dan sikap pelajar terhadap ekosistem hutan tropika. Walaubagaimanapun isi pelajaran di dalam modul ini masih perlu ditambah manakala aktiviti pengajaran dan pembelajarannya perlu diubahsuai dengan memberi lebih tumpuan terhadap peningkatan sikap di kalangan pelajar.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of
the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**THE EFFECTIVENESS OF THE TROPICAL FOREST ECOSYSTEM
TEACHING MODULE IN IMPROVING STUDENTS' KNOWLEDGE AND
ATTITUDE**

By

KARTINI BINTI ABDUL MUTALIB

February 2008

Chairman: Associate Professor Azizi Muda, PhD

Faculty: Environmental Studies

Students' knowledge and attitude towards the environment is an issue of current concern. With respect to this issue, the Department of Environment in collaboration with non-government organizations, local universities and private companies, had designed seven teaching modules to be used for Environmental Education activities in Malaysian Environmental Awareness Camps. Since these modules were first introduced in 1994, there have not been any assessments on their effectiveness. The purpose of this study is to evaluate the effectiveness of one of these modules, that is, the Forest Ecosystem Teaching Module, in improving of students' knowledge and attitude towards the tropical forest ecosystem.

In this study an experimental design with repeated measurements was used. This involved 240 subjects comprising form four students from four secondary schools representing four zones and four states in Peninsular Malaysia. Selection was made by



simple random sampling from a list of schools provided by the Department of Environment. The subjects were assigned into two groups that is the treatment group and the control group. The treatment group was evaluated using a pre-test (before the delivery of the module), a first post-test (one day after the delivery of the module) and a second post-test (one month after the delivery of the module). The control group was evaluated only using the pre-test and the first post-test. Each test comprised 30 multiple choice knowledge questions and 30 statements using a five-point Likert attitude scale.

The results indicate that for the treatment group, there is a significant difference in the mean score of knowledge ($F(118)=53.298$, $p=0.000$, $\eta^2=0.475$; $\alpha=0.05$) and attitude ($F(118)=21.818$, $p=0.000$, $\eta^2=0.270$; $\alpha=0.05$) towards the tropical forest ecosystem in both the first and second post-tests compared to the pre-test. For the control group, there was no significant change in the mean score of the students' knowledge ($t(119)=0.421$, $p=0.674$, $\eta^2 =0.001$, $\alpha = 0.05$) and attitude ($t(119)=0.279$, $p=0.674$, $\eta^2 =0.006$, $\alpha = 0.05$) towards the tropical forest ecosystem. The results also showed that the improvement in students' knowledge (47.5%) is higher than the improvement in students' attitude (27.0%). The results indicate that the use of the Forest Ecosystem Teaching Module for Environmental Education, in the non-formal experiential learning context of Environmental Awareness Camps organized by the Department of Environment, is able to improve students' knowledge and attitude towards the tropical forest ecosystem. However, the content of the module needs to be expanded, while the teaching and learning activities should be modified, with emphasis on attitude improvement among students.

PENGHARGAAN

Segala puji-pujian kepada ALLAH s.w.t dan selawat ke atas junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w., dengan berkat kurnia dan bantuanNya dapatlah saya menyiapkan tesis ini. Saya berasa amat bersyukur kehadrat ALLAH s.w.t kerana memberikan saya kekuatan dan kesabaran bagi menyiapkan tesis ini walaupun menempuh pelbagai rintangan, dugaan dan juga cabaran.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan khusus kepada Prof. Madya Dr. Azizi Muda, selaku pengurus jawatankuasa tesis yang telah banyak membantu tanpa mengira masa dalam menyumbangkan idea-idea penting dan bernas, memberikan sepenuh kepercayaan, bimbingan, motivasi dan galakan sehingga tesis ini berjaya disiapkan sepenuhnya. Penghargaan yang tulus ikhlas ini saya tujukan juga untuk ahli jawatankuasa tesis iaitu Dr. Mahdi Abdul Wahab dan Prof. Madya Dr. Bahaman Abu Samah yang bersungguh-sungguh dan tidak jemu-jemu memberikan pandangan, idea-idea yang baik dan sentiasa meluangkan banyak masa untuk membantu saya sepanjang tiga tahun enam bulan pengajian saya di UPM. Semoga diberkati Allah sentiasa hendaknya.

Di kesempatan ini saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada ahli-ahli panel yang terlibat membantu menyemak kesahan instrumen kajian saya iaitu Prof. Madya Dr. Ahmad Makmom (UPM), Prof Madya Dr. Ahmad Ainuddin (UPM) dan Prof Dr. Khairulmaini (UM). Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada Bahagian Biasiswa, KPM dan Bahagian Pendidikan Guru (BPG) yang memberikan saya peluang untuk



belajar dengan bantuan basiswa, Jabatan Alam Sekitar Putrajaya, JAS negeri-negeri yang terlibat dalam kajian, pegawai-pegawai Kem Kesedaran Alam Sekitar di negeri Melaka, Pahang, Pulau Pinang dan Selangor termasuklah guru-guru (Cikgu Zul, Cikgu Rama, Cikgu Sanusi, Cikgu Khanif dan Cikgu Linda) dan juga semua Pengetua Sekolah-Sekolah Menengah yang terlibat dalam kajian.

Jutaan terima kasih dan setinggi penghargaan juga saya tujukan kepada suami tersayang, Ahamad Shabudin yang mengizinkan, sentiasa menyokong sepenuhnya dan memberikan saya peluang untuk menyambung pelajaran, sanggup berkorban wang ringgit, masa dan tenaga bagi memastikan tesis ini berjaya disiapkan. Juga buat anak-anak yang dikasihi (Nurul Shahirah, Ahmad Khairi dan Ahmad Kamil) yang sangat memahami dan menjadi pembakar semangat untuk saya meneruskan perjuangan.

Terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menyiapkan tesis ini termasuklah ibu bapa, ibu bapa mertua yang amat memahami, memberi dorongan dan sentiasa mendoakan kejayaan saya, staf-staf di Fakulti Pengajian Alam Sekitar UPM, juga rakan-rakan baik (Bib, Roslin, Ani, Norijah) dan lain-lain orang perseorangan (Mas, Haizum dan Azna) yang sentiasa menghulurkan bantuan apabila diperlukan. Jasa kalian hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalaunya.



PENGESAHAN

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Pemeriksa telah berjumpa pada 28 Februari 2008 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Kartini binti Abdul Mutalib untuk menilai tesis Doktor Falsafah beliau yang bertajuk “Keberkesanan Modul Pengajaran Ekosistem Hutan Tropika dalam Meningkatkan Pengetahuan dan Sikap Pelajar” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

Zelina Zaiton Ibrahim, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Alam Sekitar
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Ahmad Makmom Abdullah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Alam Sekitar
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Jegak Anak Uli, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Maimon @ Maimoon Abdullah, PhD

Profesor
Fakulti Sains dan Teknologi
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Pemeriksa Luar)

HASANAH MOHD. GHAZALI, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 26 Mei 2008



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Azizi Muda, PhD

Profesor Madya

Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
Fakulti Pengajian Alam Sekitar
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mahdi Abdul Wahab, PhD

Jabatan Fizik

Fakulti Pengajian Sains
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Bahaman Abu Samah, PhD

Profesor Madya

Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

AINI IDERIS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 12 Jun 2008



PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain.

KARTINI BINTI ABDUL MUTALIB

Tarikh: 24 April 2008



JADUAL KANDUNGAN

| | Muka surat |
|---|-------------------|
| ABSTRAK | ii |
| ABSTRACT | iv |
| PENGHARGAAN | vi |
| PENGESAHAN | viii |
| PERAKUAN | x |
| SENARAI JADUAL | xv |
| SENARAI RAJAH | xix |
| SENARAI LAMPIRAN | xxi |
| SENARAI SINGKATAN | xxii |
| BAB | |
| 1 PENGENALAN | 1 |
| 1.1 Pendahuluan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 7 |
| 1.3 Pernyataan Masalah | 15 |
| 1.4 Objektif Kajian | 19 |
| 1.5 Persoalan Kajian | 20 |
| 1.6 Hipotesis Kajian | 22 |
| 1.7 Rasional Kajian | 25 |
| 1.8 Kesignifikan Kajian | 28 |
| 1.9 Batasan Kajian | 32 |
| 1.10 Definisi Istilah | 32 |
| 1.11 Struktur Tesis | 39 |
| 2 SOROTAN LITERATUR | 42 |
| 2.1 Pendahuluan | 42 |
| 2.2 Pendidikan Alam Sekitar | 44 |
| 2.2.1 Definisi Pendidikan Alam Sekitar | 44 |
| 2.2.2 Matlamat Dan Objektif Pendidikan Alam Sekitar | 46 |
| 2.3 Model-Model Dan Teori-Teori Pendidikan | 49 |
| 2.3.1 Model Pendekatan Pembelajaran Pendidikan Alam Sekitar | 50 |
| 2.3.2 Model Pendekatan Pengajaran Bermodul Russell (1974) | 53 |
| 2.3.3 Model Pendidikan Kognitif Alam Sekitar | 55 |
| 2.3.4 Teori Pembelajaran Kognitif Dan Sistem Pemprosesan Maklumat Gagne | 59 |
| 2.3.5 Teori Sikap | 65 |
| 2.4 Modul Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran | 74 |
| 2.4.1 Konsep Modul | 74 |
| 2.4.2 Jenis-jenis Dan Bentuk Modul | 76 |
| 2.4.3 Ciri-ciri Pembinaan Modul | 83 |
| 2.4.4 Kepentingan Modul Pengajaran Dan Pembelajaran | 86 |

| | | |
|----------|--|-----|
| 2.5 | Kajian Keberkesanan Penggunaan Modul Di Kalangan Pelajar | 88 |
| 2.5.1 | Keberkesanan Modul Pendidikan Alam Sekitar (Risiko Alam Sekitar) | 88 |
| 2.5.2 | Keberkesanan Modul Program Pengayaan Alam Manusia | 90 |
| 2.5.3 | Keberkesanan Modul Motivasi | 92 |
| 2.5.4 | Keberkesanan Modul Latihan Keusahawan Pertanian | 95 |
| 2.5.5 | Keberkesanan Modul Pengajaran Dan Pembelajaran Secara Koperatif Bahasa Melayu | 97 |
| 2.5.6 | Analisis Kajian-Kajian Keberkesanan Penggunaan Modul Di Kalangan Pelajar | 101 |
| 2.6 | Kajian Keberkesanan Program Pendidikan Alam Sekitar Di Luar Bilik Darjah Terhadap Pengetahuan Dan Sikap Pelajar | 107 |
| 2.7 | Analisis Kajian-Kajian Keberkesanan Program Pendidikan Alam Sekitar Di Luar Bilik Darjah | 123 |
| 2.8 | Kem Kesedaran Alam Sekitar Jabatan Alam Sekitar | 138 |
| 2.9 | Rumusan | 141 |
| 3 | METODOLOGI | 143 |
| 3.1 | Pendahuluan | 143 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 145 |
| 3.3 | Kerangka Konseptual Kajian | 150 |
| 3.4 | Populasi Dan Penentuan Subjek Kajian | 152 |
| 3.5 | Kerangka Kajian | 160 |
| 3.6 | Peringkat-Peringkat Kajian | 161 |
| 3.6.1 | Peringkat Pertama Kajian | 161 |
| 3.6.2 | Peringkat Kedua Kajian | 164 |
| 3.7 | Aktiviti Pembelajaran Modul Ekosistem Hutan Kem Kesedaran Alam Sekitar | 169 |
| 3.8 | Instrumen Kajian | 174 |
| 3.9 | Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian | 178 |
| 3.10 | Indeks Kesukaran Item Dan Indeks Diskriminasi Item Ujian Pengetahuan Terhadap Ekosistem Hutan | 182 |
| 3.11 | Prosedur Pengutipan Data Kajian | 184 |
| 3.12 | Analisis Data | 186 |
| 3.13 | Rumusan | 194 |
| 4 | KEPUTUSAN KAJIAN | 196 |
| 4.1 | Pendahuluan | 196 |
| 4.2 | Maklumat Demografi Subjek Kajian | 197 |
| 4.3 | Keputusan Tahap Pengetahuan Dan Sikap Pelajar Terhadap Ekosistem Hutan Tropika | 198 |
| 4.3.1 | Tahap Pengetahuan Dan Sikap Kumpulan Kawalan (KK) Sebelum Dan Sehari Selepas Modul Digenakan | 199 |
| 4.3.2 | Tahap Pengetahuan Dan Sikap Kumpulan Rawatan (KR) Sebelum, Sehari Selepas Dan Satu Bulan Selepas Modul Ekosistem Hutan Digenakan | 204 |

| | | |
|----------|---|------------|
| 4.4 | Keputusan Perbezaan Pengetahuan Dan Sikap Pelajar Terhadap Ekosistem Hutan Tropika Serta Keberkesanan Modul Ekosistem Hutan Anjuran Jabatan Alam Sekitar | 211 |
| 4.4.1 | Perbezaan Pengetahuan Dan Sikap Kumpulan Kawalan (KK) Dan Kumpulan Rawatan (KR) Sebelum Modul Digunakan Oleh Kumpulan Rawatan (KR) | 212 |
| 4.4.2 | Perbezaan Pengetahuan Dan Sikap Kumpulan Kawalan (KK) Sehari Selepas Modul Digunakan Oleh Kumpulan Rawatan (KR) | 214 |
| 4.4.3 | Perbezaan Pengetahuan Dan Sikap Kumpulan Kawalan (KK) Dan Kumpulan Rawatan (KR) Sehari Selepas Modul Digunakan Oleh Kumpulan Rawatan (KR) | 216 |
| 4.4.4 | Keberkesanan Modul Ekosistem Hutan Meningkatkan Pengetahuan Dan Sikap Kumpulan Rawatan (KR) Sehari Selepas Dan Satu Bulan Selepas Digunakan | 219 |
| 4.5 | Rumusan Keseluruhan Keputusan Kajian | 225 |
| 4.6 | Penutup | 232 |
| 5 | PERBINCANGAN, INTERPRETASI DAN IMPLIKASI DAPATAN KAJIAN | 233 |
| 5.1 | Tahap Pengetahuan Dan Sikap Kumpulan Kawalan (KK) Dan Kumpulan Rawatan (KR) Sebelum, Sehari Selepas Dan Satu Bulan Selepas Modul Ekosistem Hutan Digunakan Oleh Kumpulan Rawatan (KR) | 233 |
| 5.1.1 | Tahap Pengetahuan Dan Sikap Kumpulan Kawalan (KK) Terhadap Ekosistem Hutan Tropika Sebelum Dan Sehari Selepas Modul Digunakan | 233 |
| 5.1.2 | Tahap Pengetahuan Dan Sikap Kumpulan Rawatan (KR) Terhadap Ekosistem Hutan Tropika Sebelum, Sehari Selepas Dan Satu Bulan Selepas Menggunakan Modul Ekosistem Hutan | 236 |
| 5.2 | Perbezaan Pengetahuan Dan Sikap Terhadap Ekosistem Hutan Tropika Kumpulan Kawalan (KK) Dan Kumpulan Rawatan (KR) Sebelum Dan Sehari Selepas Modul Digunakan | 239 |
| 5.2.1 | Perbezaan Pengetahuan Dan Sikap Terhadap Ekosistem Hutan Tropika Kumpulan Kawalan (KK) Dan Kumpulan Rawatan (KR) Sebelum Modul Digunakan | 239 |
| 5.2.2 | Perbezaan Pengetahuan Dan Sikap Terhadap Ekosistem Hutan Tropika Kumpulan Kawalan (KK) Sehari Selepas Modul Digunakan Oleh Kumpulan Rawatan (KR) | 242 |
| 5.2.3 | Perbezaan Pengetahuan Dan Sikap Terhadap Ekosistem Hutan Tropika Kumpulan Kawalan (KK) Dan Kumpulan Rawatan (KR) Sehari Selepas Modul Digunakan | 244 |

| | | |
|----------|--|-----|
| 5.3 | Keberkesanan Modul Ekosistem Hutan Meningkatkan Pengetahuan Dan Sikap Terhadap Ekosistem Hutan Tropika Kumpulan Rawatan (KR) Sehari Selepas dan Satu Bulan Selepas Digunakan | 247 |
| 5.3.1 | Perbezaan Pengetahuan Dan Sikap Terhadap Ekosistem Hutan Tropika Kumpulan Rawatan (KR) Sehari Selepas Dan Satu Bulan Selepas Modul Digunakan | 247 |
| 5.3.2 | Keberkesanan Modul Ekosistem Hutan Meningkatkan Pengetahuan dan Sikap Kumpulan Rawatan (KR) Terhadap Ekosistem Hutan Tropika | 248 |
| 5.4 | Implikasi Dapatkan Kajian Keberkesanan Modul Ekosistem Hutan Terhadap Peningkatan Pengetahuan Dan Sikap Pelajar | 254 |
| 5.5 | Implikasi Dapatkan Kajian Terhadap Modul Ekosistem Hutan JAS | 257 |
| 5.6 | Kekekangan, Limitasi dan Implikasi Hasil Kajian | 265 |
| 5.7 | Rumusan | 267 |
| 6 | KESIMPULAN DAN CADANGAN | 268 |
| 6.1 | Kesimpulan Dapatkan Kajian | 268 |
| 6.1.1 | Pengetahuan Dan Sikap Pelajar Kumpulan Kawalan (KK) Terhadap Ekosistem Hutan Tropika Sebelum Dan Sehari Selepas Modul Digunakan Oleh Kumpulan Rawatan (KR) | 268 |
| 6.1.2 | Pengetahuan Dan Sikap Pelajar Kumpulan Rawatan (KR) Terhadap Ekosistem Hutan Tropika Sebelum, Sehari Selepas Dan Satu Bulan Selepas Modul Digunakan | 269 |
| 6.1.3 | Perbezaan Pengetahuan Dan Sikap Pelajar Kumpulan Kawalan (KK) Dan Kumpulan Rawatan (KR) Terhadap Ekosistem Hutan Tropika Sebelum Modul Digunakan | 272 |
| 6.1.4 | Perbezaan Pengetahuan Dan Sikap Pelajar Kumpulan Kawalan (KK) Terhadap Ekosistem Hutan Tropika Sehari Selepas Modul Digunakan Oleh Kumpulan Rawatan (KR) | 274 |
| 6.1.5 | Perbezaan Pengetahuan Dan Sikap Pelajar Kumpulan Kawalan (KK) Dan Kumpulan Rawatan (KR) Terhadap Ekosistem Hutan Tropika Sehari Selepas Modul Digunakan | 275 |
| 6.1.6 | Keberkesanan Modul Ekosistem Hutan Dalam Meningkatkan Pengetahuan Dan Sikap Pelajar Kumpulan Rawatan (KR) Terhadap Ekosistem Hutan Tropika | 278 |
| 6.2 | Cadangan Penambahbaikan Terhadap Modul Ekosistem Hutan JAS | 281 |
| 6.3 | Cadangan Kajian Lanjutan | 285 |
| 6.4 | Penutup | 286 |
| | BIBLIOGRAFI | 289 |
| | LAMPIRAN | 305 |
| | BIODATA PENULIS | 437 |

SENARAI JADUAL

| Jadual | Muka surat |
|--|-------------------|
| 1.1 Isi kandungan dan peruntukan masa Pendidikan Alam Sekitar KDPM dan KPLI di Institut Pendidikan Guru Malaysia | 9 |
| 1.2 Program Alam Sekitar peringkat ijazah, ijazah sarjana dan kedoktoran universiti-universiti di Malaysia | 10 |
| 1.3 Badan-badan yang terlibat dalam penghasilan Modul Kem Kesedaran Alam Sekitar JAS | 12 |
| 2.1 Keputusan kajian keberkesanan Modul Risiko Alam Sekitar Covitt <i>et al.</i> (2005) | 89 |
| 2.2 Analisis data kajian keberkesanan Modul Latihan Keusahawanan Pertanian Zakaria Abd Rahman (1998) | 96 |
| 2.3 Bilangan sampel kajian-kajian lalu keberkesanan modul | 104 |
| 2.4 Lokasi kajian keberkesanan modul, bilangan sekolah dan jangkamasa kajian dijalankan oleh penyelidik terdahulu | 105 |
| 2.5 Pemboleh ubah dan keputusan kajian-kajian keberkesanan modul | 106 |
| 2.6 Jenis kaedah pengajaran Pendidikan Alam Sekitar-Pendidikan Pemeliharaan de-White dan Jacobson (1994) | 109 |
| 2.7 Subskala dan nilai Cronbach alpha bagi instrumen kajian Bogner (1998) | 121 |
| 2.8 Analisis dan perbandingan kajian keberkesanan program Pendidikan Alam Sekitar di luar bilik darjah | 123 |
| 2.9 Statistik peserta KeKAS anjuran Jabatan Alam Sekitar di Negeri-Negeri Semenanjung Malaysia tahun 2002 | 140 |
| 3.1 Reka bentuk eksperimen jenis ujian pra-ujian pos berkumpulan kawalan (KK) dengan pemadanan rawak dan pengukuran berulang | 148 |
| 3.2 Bilangan keseluruhan subjek kajian di empat buah negeri di Semenanjung Malaysia | 155 |

| | | |
|------|---|-----|
| 3.3 | Senarai nama dan jumlah sekolah yang menjalankan Kem Kesedaran Alam Sekitar di empat buah negeri yang terpilih dalam kajian pada tahun data dikutip | 156 |
| 3.4 | Jenis-jenis aktiviti, objektif dan gerakerja pembelajaran Modul Ekosistem Hutan JAS | 171 |
| 3.5 | Lima jenis konsep bagi pengetahuan terhadap Ekosistem Hutan Tropika ujian pra, pos-1 dan pos-2 | 175 |
| 3.6 | Tiga jenis komponen sikap dan bilangan item sikap terhadap Ekosistem Hutan Tropika ujian pra, pos-1 dan pos-2 | 175 |
| 3.7 | Senarai nama pensyarah yang menyemak kesahan isi kandungan instrumen kajian | 179 |
| 3.8 | Pengelasan indeks kesukaran item dan indeks diskriminasi item pengetahuan (ujian pra, ujian pos-1 dan ujian pos-2) | 183 |
| 3.9 | Nilai indeks kesukaran item (IK) dan indeks diskriminasi item (ID) ujian pra, pos-1 dan pos-2 pengetahuan | 183 |
| 3.10 | Permarkahan bagi item sikap terhadap Ekosistem Hutan Tropika | 186 |
| 3.11 | Peratus julat skor min markah pengetahuan dengan tahap pengetahuan terhadap Ekosistem Hutan Tropika | 187 |
| 3.12 | Pengelasan nilai skor min sikap dengan tahap sikap terhadap Ekosistem Hutan Tropika | 187 |
| 3.13 | Hipotesis nol dan ujian-ujian statistik inferensi yang digunakan dalam kajian | 191 |
| 4.1 | Bilangan sekolah dan subjek yang terlibat dalam kajian | 198 |
| 4.2 | Pengetahuan Ekosistem Hutan Tropika Kumpulan Kawalan (KK) sebelum dan sehari selepas Modul Ekosistem Hutan digunakan oleh Kumpulan Rawatan (KR) | 200 |
| 4.3 | Peratus skor min dan tahap pengetahuan bagi lima konsep Ekosistem Hutan Tropika Kumpulan Kawalan (KK) | 201 |
| 4.4 | Sikap terhadap Ekosistem Hutan Tropika Kumpulan Kawalan (KK) sebelum dan sehari selepas Modul Ekosistem Hutan digunakan oleh Kumpulan Rawatan (KR) | 202 |

| | | |
|------|---|-----|
| 4.5 | Skor min dan tahap sikap bagi tiga komponen sikap terhadap Ekosistem Hutan Tropika Kumpulan Kawalan (KK) | 204 |
| 4.6 | Pengetahuan terhadap Ekosistem Hutan Tropika Kumpulan Rawatan (KR) sebelum, sehari selepas dan satu bulan selepas modul digunakan | 205 |
| 4.7 | Peratus skor min dan tahap pengetahuan bagi lima konsep Ekosistem Hutan Tropika Kumpulan Rawatan (KR) | 207 |
| 4.8 | Sikap terhadap Ekosistem Hutan Tropika Kumpulan Rawatan (KR) sebelum, sehari selepas dan satu bulan selepas modul digunakan | 209 |
| 4.9 | Skor min dan tahap sikap bagi tiga komponen sikap terhadap Ekosistem Hutan Tropika Kumpulan Rawatan (KR) | 210 |
| 4.10 | Perbezaan skor min pengetahuan ujian pra Kumpulan Kawalan (KK) dan Kumpulan Rawatan (KR) sebelum modul digunakan | 213 |
| 4.11 | Perbezaan skor min sikap ujian pra Kumpulan Kawalan (KK) dan Kumpulan Rawatan (KR) sebelum modul digunakan | 214 |
| 4.12 | Perbezaan skor min pengetahuan Kumpulan Kawalan (KK) sehari selepas modul digunakan oleh Kumpulan Rawatan (KR) | 215 |
| 4.13 | Perbezaan skor min sikap Kumpulan Kawalan (KK) sehari selepas modul digunakan oleh Kumpulan Rawatan (KR) | 216 |
| 4.14 | Perbezaan skor min pengetahuan ujian pos Kumpulan Kawalan (KK) dan Kumpulan Rawatan (KR) sehari selepas modul digunakan | 217 |
| 4.15 | Perbezaan skor min sikap ujian pos Kumpulan Kawalan (KK) dan Kumpulan Rawatan (KR) sehari selepas modul digunakan | 218 |
| 4.16 | Perbezaan skor min pengetahuan ujian pra, pos-1 dan pos-2 Kumpulan Rawatan (KR) | 219 |
| 4.17 | Perbezaan skor min sikap ujian pra, pos-1 dan pos-2 Kumpulan Rawatan (KR) | 220 |
| 4.18 | Perbezaan skor min pengetahuan antara pasangan ujian pra, pos-1, pos-2 Kumpulan Rawatan (KR) | 222 |

| | | |
|------|---|-----|
| 4.19 | Perbezaan skor min sikap antara pasangan ujian pra, pos-1 dan pos-2 Kumpulan Rawatan (KR) | 224 |
| 4.20 | Rumusan keseluruhan keputusan kajian keberkesanan Modul Ekosistem Hutan | 226 |

| Rajah | SENARAI RAJAH | |
|--------------|--|-------------------|
| | | Muka surat |
| 1.1 | Keseluruhan struktur tesis | 41 |
| 2.1 | Bahagian-bahagian utama dalam Sorotan Literatur | 43 |
| 2.2 | Tiga elemen pendekatan Pendidikan Alam Sekitar Model Palmer dan Neal (1994) | 51 |
| 2.3 | Tiga elemen pendekatan Pendidikan Alam Sekitar Model Palmer dan Neal (1994) bagi sekolah menengah | 52 |
| 2.4 | Penilaian keberkesanan modul pengajaran dan pembelajaran Model Russell (1974) | 53 |
| 2.5 | Model Pendidikan Kognitif Alam Sekitar (Keiny dan Shachak, 1987) | 56 |
| 2.6 | Konsepsi Alam Sekitar dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Alam Sekitar (Ballantyn dan Parker, 1996) | 58 |
| 2.7 | Sistem pemprosesan maklumat manusia Gagne <i>et al.</i> (1993) | 60 |
| 2.8 | Konsepsi Skematik Sikap Triandis (1971) | 69 |
| 2.9 | Rumusan kategori dan pengelasan jenis-jenis modul adaptasi daripada Rusell (1974), Kamdi Kamil (1990) dan Jamaludin Ahmad (2002) | 77 |
| 3.1 | Bahagian-bahagian utama metodologi kajian | 143 |
| 3.2 | Kerangka konseptual kajian diubahsuai daripada Model Penilaian Modul Russell | 151 |
| 3.3 | Kaedah persampelan bagi pemilihan negeri, sekolah dan subjek kajian | 158 |
| 3.4 | Kerangka kajian | 161 |
| 3.5 | Kerangka kajian peringkat pertama | 163 |
| 3.6 | Kerangka kajian peringkat kedua | 165 |

| | | |
|-----|--|-----|
| 3.7 | Ringkasan prosedur keseluruhan penganalisan data | 193 |
| 3.8 | Carta alir keseluruhan kajian keberkesanan Modul Ekosistem Hutan JAS | 195 |

SENARAI SINGKATAN

| | |
|-------------|--|
| JAS | Jabatan Alam Sekitar |
| JPN | Jabatan Pendidikan Negeri |
| KeKAS | Kem Kesedaran Alam Sekitar |
| IK | Indeks Kesukaran |
| ID | Indeks Diskriminasi |
| UM | Universiti Malaya |
| UKM | Universiti Kebangsaan Malaysia |
| UPM | Universiti Putra Malaysia |
| USM | Universiti Sains Malaysia |
| Bil. | Bilangan |
| M | Min |
| SP | Sisihan piawai |
| & | dan |
| ESSO | Anglo American Oil Company |
| BP | Britain's Petroleum Company |
| DBKL | Dewan Bandaraya Kuala Lumpur |
| Ujian Pos-1 | Ujian Pos Pertama |
| Ujian Pos-2 | Ujian Pos Kedua |
| <i>f</i> | frekuensi |
| SPSS | Statistical Package for Social Science |
| PAS | Pendidikan Alam Sekitar |
| PMD | Program Maju Diri |

| | |
|------|---|
| PND | Pendekatan Nilai Diri |
| PIC | Pendekatan Insan Cemerlang |
| PCI | Pendekatan Cahaya Iman |
| PKM | Pembelajaran Kooperatif Secara Bermodul |
| PM | Kaedah Pembelajaran Bermodul |
| PT | Pembelajaran Tradisional |
| KK | Kumpulan Kawalan |
| KR | Kumpulan Rawatan |
| NGO | Non-Government Organization |
| KDPM | Kursus Diploma Perguruan Malaysia |
| KPLI | Kursus Perguruan Lepas Ijazah |

BAB 1

PENGENALAN

Bab Satu merupakan bab pengenalan kepada kajian ini. Bab ini akan menghurai dan memberikan tumpuan kepada beberapa aspek iaitu pendahuluan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, rasional kajian, kesignifikan kajian, batasan kajian, definisi istilah dan huriaian ringkas tentang struktur tesis.

1.1 Pendahuluan

Ekosistem merupakan unit berfungsi bagi ekologi dan ianya terdiri daripada komponen biotik (organisma yang saling berinteraksi sesama organisme) dan komponen abiotik (komponen fizikal) yang berinteraksi dengan komponen biotik dan juga persekitarannya. Menurut takrifan pakar ekologi iaitu Raven, Johnson, Losos dan Singer (2005) serta Enger, Ross dan Bailey (2007), ekosistem adalah terdiri daripada semua organisme yang hidup dalam satu kawasan tertentu/khusus, termasuk alam sekitar abiotik di mana organisme tersebut tinggal dan berinteraksi. Manakala Miller (2004) serta Lewis, Gaffin, Hoefnagels dan Parker (2004), mendefinisikan ekosistem sebagai satu sistem pemprosesan tenaga dan pengeluaran semula nutrien, mengandungi sebuah komuniti biologi dan habitatnya, terdiri daripada dua komponen utama iaitu biotik dan abiotik. Kesemua komponen ini saling berhubungan antara satu sama lain serta bertukar-tukar tenaga dan jisim. Antara contoh-contoh ekosistem di dunia ini ialah ekosistem hutan,

ekosistem air tawar, ekosistem marin, ekosistem paya bakau, ekosistem padang rumput dan lain-lain lagi.

Semua jenis ekosistem bersifat sangat kompleks, dinamik dan seimbang. Setiap komponen di dalamnya saling bersandaran antara satu sama lain. Gangguan pada mana-mana satu komponen dalam ekosistem akan menggugat keseluruhan ekosistem tersebut (Abdul Halim Sulaiman, 2000). Ekosistem hutan seperti mana yang diketahui merupakan ekosistem yang paling banyak fungsinya, sangat penting kepada manusia dan juga benda hidup yang lain. Walau bagaimanapun kawasan muka bumi ini hanya diliputi oleh sebahagian kecil kawasan hutan iaitu sebanyak 30% sahaja (Sharma, 1992) sedangkan purata kadar pembalakan hutan yang dianggarkan di seluruh dunia adalah begitu tinggi iaitu antara 20-50 ekar per minit (Garg, 1994).

Keadaan ketidakseimbangan dan kemusnahan ekosistem hutan akibat daripada gangguan dan aktiviti manusia seperti penebangan untuk pembalakan, pembakaran hutan, perlombongan, pertanian dan pembangunan tanah memberikan kesan yang amat serius kepada sebahagian besar komponen dalam ekosistem tersebut. Keseimbangan ekosistem hutan yang terganggu oleh aktiviti manusia adalah sukar untuk dipulihkan dalam masa yang singkat. Aktiviti pembalakan hutan seperti mana pandangan Mohd. Kamil Yusoff (2000) merupakan proses penerokaan tanah dan pengeluaran hasil balak yang secara langsung mendedahkan kepada masalah hakisan, larian air, pencemaran dari segi bahan organik dan nutrien ke dalam air. Antara kesan lain akibat aktiviti manusia yang mengganggu ekosistem hutan adalah kemusnahan biodiversiti, kepupusan pelbagai spesies flora dan fauna, perubahan cuaca tempatan, gangguan kawasan tадahan air,